



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI

TARIKH KUAT KUASA: 03 FEBRUARI 2021

RANGKA KERJA PUNGUTAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1 PENDAHULUAN	5
1.1 Pengenalan kepada pungutan cukai	
1.2 Tujuan	
2 BAB A: ANGGARAN CUKAI DAN POTONGAN CUKAI BULANAN - AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)	
2.1 Potongan Cukai Bulanan (PCB)	6
2.1.1 Pengenalan	
2.1.2 Penentuan amaun PCB	
2.2 Ansuran cukai di bawah seksyen 107B ACP (CP500)	7
2.2.1 Pengenalan	
2.2.2 Asas anggaran dan prosedur bayaran CP500	
2.2.3 Pindaan CP500	
2.2.4 Kenaikan cukai	
2.3 Anggaran cukai di bawah seksyen 107C ACP (CP204)	10
2.3.1 Pengenalan	
2.3.2 Penentuan asas anggaran cukai kena dibayar	
2.3.3 Pengemukaan anggaran cukai kena dibayar	

2.3.4	Tempoh pengemukaan CP204	
2.3.5	Jadual bayaran CP204	
2.3.6	Pindaan CP204 di bawah subseksyen 107C(7) ACP	
2.3.7	Arahan bayaran CP204 yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah subseksyen 107C(8) ACP	
2.3.8	Pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan	
2.4	Kenaikan cukai berkaitan bayaran CP204 dan pindaan CP204	15
2.4.1	Subseksyen 107C(9) ACP	
2.4.2	Subseksyen 107C(10) ACP	
2.4.3	Subseksyen 107C(10A) ACP	
2.5	Kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP	18
3	BAB B: CUKAI PETROLEUM - AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (APCP)	18
3.1	Pengenalan	
3.2	Asas anggaran cukai dan prosedur bayaran CP250	
3.3	Pindaan CP250	
3.4	Kenaikan cukai	
4	BAB C: CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT) - AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 (ACKHT)	22
4.1	Bayaran CKHT	
4.2	Kenaikan cukai	

5	BAB D: PERCUKAIAN AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN - AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 (ACAPL)	23
5.1	Bayaran cukai dan kenaikan cukai	
6	BAB E: CUKAI PEGANGAN	24
6.1	Pengenalan	
6.2	Jenis-jenis bayaran yang tertakluk kepada Cukai Pegangan dan kadar cukai di bawah ACP	
6.3	Kenaikan cukai	
7	BAB F: PERKHIDMATAN BAYARAN	27
7.1	Perkhidmatan bayaran melalui medium bayaran elektronik	
7.2	Pembayaran di kaunter bayaran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	
7.3	Perkhidmatan bayaran cukai oleh ejen-ejen kutipan LHDNM	
7.4	Bayaran cukai melalui pindahan wang dari luar negara	
8	BAB G: PEMUNGUTAN	36
8.1	Ansuran baki cukai	
8.2	Pemungutan cukai tertunggak	
9	BAB H: BAYARAN BALIK	37
9.1	Pengenalan	
9.2	Prosedur bayaran balik kepada pembayar cukai	
9.3	Prosedur bayaran balik CKHT	
9.4	Bayaran balik kepada pihak ketiga	

9.5 Kaedah bayaran balik

9.6 Pampasan bayaran balik di bawah seksyen 111D ACP

10 TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN 50

Lampiran 1 Carta Perkhidmatan Pembayaran Di Ejen-Ejen LHDNM 51

Lampiran 2 Jadual Kod Bayaran 52

RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI (RKPC)

1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Kepada Pungutan Cukai

1.1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil dan cekap dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara. Kutipan hasil digunakan untuk membangun dan memakmurkan negara demi kesejahteraan bersama.

1.1.2 Semua tindakan operasi pungutan dikendalikan oleh cawangan LHDNM. Bagi urusan pembayaran, ianya boleh dibuat, antaranya secara atas talian (sebagai contoh melalui ByrHASiL) atau di semua cawangan pelbagai bank komersial yang telah dilantik sebagai ejen kutipan LHDNM serta di tiga Pusat Bayaran LHDNM iaitu Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kota Kinabalu dan Pusat Bayaran Kuching.

1.1.3 Semua penerimaan bayaran menggunakan cek yang dihantar melalui pos atau kurier akan dihentikan secara berperingkat mulai 1 Januari 2021 dan dihentikan sepenuhnya mulai 1 April 2021 kecuali bayaran bagi Cukai Pegangan, kompaun, Cukai Pendapatan Penghibur Awam dan Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Kaedah bayaran Cukai Pendapatan menggunakan cek bagi bayaran pendahuluan dan ansuran kes audit dan siasatan masih boleh dilakukan dan disalurkan ke Pusat Bayaran Kuala Lumpur.

Kaedah ini akan dihentikan pada masa hadapan setelah kaedah “Direct Debit” secara dalam talian diperkenalkan.

1.2 Tujuan

RKPC bertujuan memberi panduan kepada pegawai LHDNM, pembayar cukai, majikan dan ejen-ejen kutipan LHDNM yang dilantik berhubung –

- tatacara pungutan bagi memastikan pelaksanaan pungutan cukai dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan;
- peraturan bayaran dan pilihan cara bayaran yang boleh digunakan mengikut jenis pendapatan; dan
- kaedah bayaran balik.

2 BAB A: ANGGARAN CUKAI DAN POTONGAN CUKAI BULANAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)

2.1 Potongan Cukai Bulanan (PCB)

2.1.1 Pengenalan

- a) PCB adalah satu mekanisma potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan pekerja oleh majikan di bawah peruntukan Kaedah 3 dan 10 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994.
- b) PCB merupakan bayaran ansuran cukai tahun semasa sebelum taksiran cukai dibangkitkan, bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja daripada membayar cukai

sekaligus apabila cukai ditaksirkan.

2.1.2 Penentuan amaun PCB

Penentuan amaun PCB adalah berdasarkan:

- a) Jadual PCB; atau
- b) Pengiraan Berkomputer
Kaedah Pengiraan Berkomputer adalah terpakai dalam mana-mana keadaan berikut:
 - i. Majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian atau sistem yang dibangunkan atau dikemaskini oleh majikan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan disemak oleh LHDNM; atau
 - ii. Majikan yang menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM seperti e-PCB, e-Data PCB atau e-CP39 yang boleh diakses pada laman web LHDNM.

2.2 Ansuran Cukai Di Bawah Seksyen 107B ACP (CP500)

2.2.1 Pengenalan

- a) Notis Bayaran Ansuran (CP500) dikeluarkan di bawah peruntukan subseksyen 107B(1) ACP. Di bawah peruntukan tersebut, pembayar cukai individu (Jenis fail: SG dan OG) dan selain syarikat (Jenis fail: TP, F dan J)

yang memperoleh pendapatan tidak termasuk perolehan atau keuntungan daripada penggajian, dikehendaki membuat bayaran ansuran anggaran cukai pada tarikh kena dibayar kepada KPHDN.

- b) Pembayar cukai dikehendaki membuat enam (6) bayaran ansuran secara dwibulanan mulai bulan Mac tahun taksiran semasa sehingga bulan Januari tahun taksiran berikutnya.

2.2.2 Asas anggaran dan prosedur bayaran CP500

- a) Jumlah anggaran cukai di bawah CP500 adalah berasaskan kepada amaun cukai kena dibayar bagi tahun taksiran sebelum sesuatu tahun taksiran itu.
- b) Bagi pembayar cukai yang mempunyai sumber pendapatan penggajian dan sumber pendapatan lain, anggaran cukai tidak mengambil kira cukai yang berkaitan dengan sumber pendapatan penggajian kerana perolehan atau keuntungan daripada penggajian adalah tertakluk kepada PCB.
- c) Tarikh kena bayar bagi ansuran anggaran cukai akan ditetapkan di bawah CP500. Pembayar cukai diberi tempoh 30 hari dari tarikh kena bayar bagi menjelaskan ansuran yang telah ditetapkan.

2.2.3 Pindaan CP500

- a) Pembayar cukai dibenarkan untuk memohon pindaan amaun ansuran anggaran cukai di bawah CP500. Permohonan akan dipertimbangkan sekiranya permohonan

tersebut diterima selewat-lewatnya 30 Jun tahun taksiran berkenaan.

- b) Permohonan untuk meminda amaun anggaran cukai ini (sekiranya perlu) adalah dengan menggunakan Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502) dan perlu dikemukakan ke cawangan LHDNM berkenaan pada atau sebelum 30 Jun tahun taksiran berkenaan. CP502 ini boleh didapati di laman web LHDNM iaitu <http://www.hasil.gov.my>.
- c) CP502 yang dikemukakan oleh pembayar cukai selepas 30 Jun tidak akan diterima.
- d) Sekiranya CP502 diterima, pihak pungutan cawangan LHDNM akan mengeluarkan jadual bayaran ansuran dipinda (CP503) kepada pembayar cukai.

2.2.4 Kenaikan cukai

- a) Pembayar cukai yang gagal mematuhi arahan bayaran KPHDN di bawah CP500 / CP503 boleh dikenakan kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 107B(3) ACP. Kenaikan cukai tersebut boleh dikenakan jika pembayar cukai gagal membuat bayaran apa-apa ansuran di bawah CP500 / CP503 selepas tempoh 30 hari dari tarikh kena dibayar.
- b) Jika kelulusan untuk meminda amaun ansuran anggaran cukai telah diperolehi, dan didapati terdapat perbezaan di antara cukai kena dibayar dengan jumlah anggaran cukai dipinda melebihi 30% daripada cukai kena dibayar, maka

amaun perbezaan cukai akan dikenakan kenaikan 10% tanpa sebarang notis dikeluarkan. Pengiraan kenaikan 10% di bawah subseksyen 107B(4) ACP adalah seperti berikut:

$$[(CS - AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

CS = cukai kena dibayar (tidak termasuk cukai dari sumber pendapatan penggajian)

AC = anggaran cukai dipinda.

2.3 Anggaran Cukai Di Bawah Seksyen 107C ACP (CP204)

2.3.1 Pengenalan

- a) Di bawah Sistem Taksir Sendiri, pembayar cukai kategori syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), badan amanah dan koperasi dikehendaki di bawah seksyen 107C ACP untuk mengemukakan anggaran cukai kena dibayar dan membayar anggaran cukai kena dibayar tersebut secara ansuran.
- b) Syarikat, PLT, badan amanah atau koperasi juga dikehendaki di bawah seksyen 77A ACP untuk melaporkan pendapatan bercukai, cukai kena dibayar dan butir-butir lain yang diperlukan kepada KPHDN dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh penutupan tempoh perakaunan.
- c) Sekiranya jumlah bayaran ansuran anggaran cukai kena dibayar yang telah dibuat kurang daripada cukai sebenar kena dibayar, perbezaan tersebut hendaklah dibayar tidak lewat daripada hari terakhir bulan ke-7 dari tarikh penutupan tempoh perakaunan.

2.3.2 Penentuan asas anggaran cukai kena dibayar

a) Syarikat baharu beroperasi

Anggaran cukai kena dibayar bagi tahun taksiran pertama untuk syarikat yang baru memulakan operasi adalah mengikut anggaran keuntungan syarikat. Anggaran cukai kena dibayar pada tahun taksiran pertama tersebut akan menjadi asas bagi menentukan anggaran cukai tahun taksiran berikutnya.

b) Syarikat sedang beroperasi

Anggaran cukai kena dibayar untuk syarikat yang telah memulakan operasi hendaklah tidak kurang daripada 85% anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai kena dibayar (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan) tahun taksiran sebelumnya.

2.3.3 Pengemukaan anggaran cukai kena dibayar

Kategori pembayar cukai yang perlu mengemukakan CP204 bagi suatu tahun taksiran:

a) Syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi yang sedang beroperasi.

b) Syarikat bermastautin yang mempunyai modal berbayar berhubung saham biasa RM 2.5 juta dan kurang (SME) pada permulaan tempoh asas suatu taksiran yang baru beroperasi juga perlu mengemukakan CP204 tetapi tidak

perlu mengisi butiran amaun anggaran cukai yang kena dibayar. Syarikat dikehendaki untuk mengekalkan modal berbayar RM 2.5 juta atau kurang pada permulaan perniagaan dan juga pada permulaan dua (2) tahun taksiran berikutnya.

- c) Syarikat bukan pemastautin yang tertakluk sepenuhnya kepada Cukai Pegangan di bawah seksyen 107A ACP.
- d) Syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi yang pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti beroperasi atau menjalankan perniagaan (dorman).

Pengemukaan CP204 dan Borang Pindaan Amaun Anggaran Cukai (CP204A) adalah secara e-filing di bawah subseksyen 107C(7A) ACP.

2.3.4 Tempoh pengemukaan CP204

- a) Syarikat baharu beroperasi

Di bawah perenggan 107C(4)(a) ACP 1967, syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi yang baru memulakan operasi dan mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran yang tidak kurang daripada enam (6) bulan, hendaklah mengemukakan CP204 secara elektronik (e-CP204) dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permulaan operasi syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi itu.

b) Syarikat sedang beroperasi

Di bawah subseksyen 107C(2) ACP 1967, syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi yang sedang beroperasi hendaklah mengemukakan CP204 tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

2.3.5 Jadual bayaran CP204

a) Syarikat baharu beroperasi

Subseksyen 107C(6) ACP 1967 menetapkan anggaran cukai kena dibayar bagi syarikat yang baru memulakan operasi dan mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran yang tidak kurang daripada enam (6) bulan hendaklah dibayar secara ansuran mulai bulan ke-6 tempoh asas dalam amaun sama rata mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas untuk tahun taksiran itu.

Bayaran hendaklah dibuat pada atau sebelum 15 haribulan setiap bulan.

b) Syarikat sedang beroperasi

Subseksyen 107C(5) ACP 1967 memperuntukkan anggaran cukai kena dibayar hendaklah dibayar secara ansuran pada 15 haribulan mulai bulan ke-2 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dalam amaun sama rata mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas tahun taksiran itu.

2.3.6 Pindaan CP204 di bawah subseksyen 107C(7) ACP

- a) Syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi dibenarkan untuk meminda anggaran cukai kena dibayar dengan mengemukakan CP204A melalui medium elektronik.
- b) Anggaran cukai kena dibayar bagi sesuatu tahun taksiran hanya boleh dipinda dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

2.3.7 Arahan bayaran CP204 yang dikeluarkan oleh KPHDN di bawah subseksyen 107C(8) ACP

Berikut adalah keadaan di mana KPHDN boleh mengeluarkan Notis Bayaran Ansuran (CP205) kepada syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi:

- a) Kegagalan mengemukakan CP204 dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari sebelum bermula tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.
- b) Pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan (CP204B) oleh pembayar cukai.

2.3.8 Pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan

- a) Mulai Tahun Taksiran 2019, peruntukan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP menghendaki supaya syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi memaklumkan KPHDN

mengenai sebarang pertukaran tempoh perakaunan melalui CP204B dalam tempoh berikut:

- i. Sekiranya tempoh perakaunan yang baharu dipendekkan, 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan yang baharu itu; atau
 - ii. Sekiranya tempoh perakaunan yang baharu dipanjangkan, 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal.
- b) Kegagalan untuk mengemukakan CP204B dalam tempoh yang ditetapkan akan membolehkan tindakan berikut diambil:
- i. Penalti atau kenaikan yang telah dikenakan akan dikekalkan dan boleh dipungut seolah-olah penalti atau kenaikan tersebut merupakan cukai kena dibayar kepada Kerajaan
 - ii. Pendakwaan di bawah perenggan 120 (1)(i) ACP

2.4 Kenaikan Cukai berkaitan Bayaran Ansuran CP204 dan Pindaan CP204

2.4.1 Subseksyen 107C(9) ACP

- a) Kenaikan cukai akan dikenakan sekiranya amaun ansuran bulanan tidak dibayar pada tarikh kena dibayar. Amaun ansuran bulanan yang tidak dibayar akan dikenakan

kenaikan cukai sebanyak 10% tanpa sebarang notis dikeluarkan.

- b) Formula bagi pengiraan kenaikan cukai:

Amaun ansuran bulanan yang tidak dibayar x 10%

- c) Bagi tujuan pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) ACP, penalti di bawah subseksyen 112(3) atau 113(2) ACP perlu ditolak daripada cukai kena dibayar kerana subseksyen 125(2) ACP memperuntukkan penalti di bawah subseksyen 112(3) atau 113(2) ACP diambil kira sebagai sebahagian cukai kena dibayar bagi maksud seksyen 103 dan 106 ACP sahaja.

2.4.2 Subseksyen 107C(10) ACP

- a) Jika perbezaan di antara cukai sebenar yang kena dibayar dengan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan) melebihi 30% daripada cukai sebenar yang kena dibayar, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas perbezaan yang melebihi 30%.

- b) Formula bagi pengiraan kenaikan cukai:

$$[(CS - AC)^{**} - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

CS: cukai kena dibayar

AC: anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan)

****Nota:** Cukai Pegangan yang telah dijelaskan (sekiranya ada) hendaklah ditolak daripada cukai kena dibayar bagi tujuan pengiraan kenaikan cukai.

- c) Bagi tujuan pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP, penalti di bawah subseksyen 112(3) atau 113(2) ACP perlu ditolak daripada cukai kena dibayar kerana subseksyen 125(2) ACP memperuntukkan penalti di bawah subseksyen 112(3) atau 113(2) ACP diambil kira sebagai sebahagian cukai kena dibayar bagi maksud seksyen 103 dan 106 ACP sahaja.

2.4.3 Subseksyen 107C(10A) ACP

Bagi suatu tahun taksiran, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas cukai kena dibayar tanpa sebarang notis dikeluarkan jika:

- a) Tiada anggaran cukai dikemukakan oleh syarikat, PLT, badan amanah atau koperasi dan tiada CP205 dikeluarkan oleh KPHDN;
- b) Tiada tindakan pendakwaan diambil di bawah perenggan 120(1)(f) ACP atas kegagalan mengemukakan anggaran cukai tersebut; dan

- c) Ada cukai kena dibayar oleh syarikat, PLT, badan amanah atau koperasi bagi tahun taksiran tersebut.

2.5 Kenaikan Cukai Di Bawah Seksyen 103 ACP

Jika cukai gagal dibayar pada tarikh kena dibayar, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas baki belum dibayar tanpa sebarang notis dikeluarkan.

3 BAB B: CUKAI PETROLEUM – AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (APCP)

3.1 Pengenalan

Pengenaan cukai ke atas Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai (OBD) bagi sesuatu syarikat petroleum yang menjalankan aktiviti pengeluaran minyak dan gas asli adalah tertakluk kepada APCP.

3.2 Asas Anggaran Cukai dan Prosedur Bayaran CP250

3.2.1 OBD yang menjalankan aktiviti pengeluaran minyak dan gas asli dikehendaki membuat anggaran cukai kena dibayar untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada 85% amaun anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai asal bagi tahun taksiran sebelumnya di bawah subseksyen 49A(3) APCP.

3.2.2 Anggaran cukai hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang yang ditetapkan iaitu Borang Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (CP250).

- 3.2.3 OBD perlu mengemukakan CP250 untuk suatu tahun taksiran tidak lewat dari 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas sesuatu tahun taksiran.
- 3.2.4 OBD yang telah beroperasi (sedia ada), hendaklah membayar amaun di bawah CP250 untuk suatu tahun taksiran dalam 10 kali ansuran bulanan secara sama rata selewat-lewatnya pada hari ke-15 bulan berkenaan.
- 3.2.5 Bayaran ansuran pertama boleh dibuat mulai bulan ke-2 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dan hendaklah diselesaikan sebelum bulan ke-2 tempoh asas untuk tahun taksiran berikutnya. OBD hendaklah menetapkan Jadual Bayaran Ansuran bagi 10 kali ansuran bulanan yang dipilih dalam suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dalam CP250.
- 3.2.6 Bagi OBD yang mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran tidak kurang dari enam bulan, CP250 hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh bermulanya tempoh asas tahun taksiran tersebut.
- 3.2.7 Jika OBD gagal mengemukakan anggaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan, KPHDN boleh mengarahkan OBD membuat bayaran cukai untuk suatu tahun taksiran secara ansuran melalui Notis Bayaran Ansuran (CP252).
- 3.2.8 Jika CP252 dikeluarkan oleh KPHDN sebelum bulan ke-6 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, jumlah ansuran tersebut hendaklah disifatkan sebagai anggaran cukai kena dibayar oleh OBD untuk tahun taksiran tersebut.

3.3 Pindaan CP250

- 3.3.1 CP250 boleh dipinda dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dengan menggunakan Borang Pindaan Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (CP251).
- 3.3.2 Sekiranya anggaran cukai dipinda melebihi amaun ansuran anggaran cukai kena dibayar, baki anggaran cukai yang belum dibayar hendaklah dijelaskan dalam amaun ansuran secara sama rata mengikut baki tempoh bayaran.
- 3.3.3 Sekiranya anggaran cukai dipinda kurang daripada jumlah ansuran anggaran cukai sebelum pindaan dibuat, OBD bolehlah memberhentikan bayaran ansuran berkenaan.

3.4 Kenaikan Cukai

- 3.4.1 Sekiranya OBD gagal membuat apa-apa bayaran ansuran bulanan pada tarikh kena bayar, bayaran yang gagal dibayar akan dikenakan kenaikan cukai sebanyak 10% dibawah subseksyen 49A(11) APCP tanpa sebarang notis dikeluarkan.
- 3.4.2 Sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar kena dibayar dengan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai (jika tiada anggaran dipinda) untuk suatu tahun taksiran melebihi 30% daripada cukai kena dibayar, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas perbezaan tersebut di bawah subseksyen 49A(12) APCP tanpa sebarang notis dikeluarkan. Pengiraan kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$[(CS - AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

CS: cukai kena dibayar

AC: anggaran cukai dipinda / anggaran cukai (jika tiada anggaran cukai dipinda)

3.4.3 Bagi suatu tahun taksiran, kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 49A(13) APCP akan dikenakan ke atas cukai kena dibayar tanpa sebarang notis dikeluarkan jika:

- a) Tiada anggaran cukai dikemukakan oleh OBD dan tiada CP252 dikeluarkan oleh KPHDN;
- b) Tiada tindakan pendakwaan diambil di bawah seksyen 58 APCP atas kegagalan mengemukakan anggaran cukai tersebut; dan
- c) Ada cukai kena dibayar oleh orang itu untuk tahun taksiran tersebut.

3.4.4 Bagi tujuan pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 49A(11) dan 49A(12) APCP, penalti di bawah subseksyen 51(3) atau 52(2) APCP perlu ditolak daripada cukai kena dibayar kerana subseksyen 64(2) APCP memperuntukkan penalti di bawah subseksyen 49A(11) dan 49A(12) APCP diambil kira sebagai sebahagian cukai kena dibayar bagi maksud seksyen 49 APCP sahaja.

4 BAB C: CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT) – AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 (ACKHT)

4.1 Bayaran CKHT

- 4.1.1 Menurut subseksyen 21B(1) ACKHT, pemeroleh perlu memegang simpan kesemua balasan wang atau 3% dari jumlah nilai balasan (mengikut yang mana lebih rendah) dan bayaran tersebut hendaklah dibayar kepada KPHDN dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset.
- 4.1.2 Menurut subseksyen 21B(1A) ACKHT, bagi pelupusan aset yang melibatkan pelupus bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, pemeroleh perlu memegang simpan kesemua balasan wang atau 7% dari jumlah nilai balasan (mengikut yang mana lebih rendah) dan bayaran tersebut hendaklah dibayar kepada KPHDN dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset.
- 4.1.3 Menurut subseksyen 21(1) dan (4) ACKHT, bayaran CKHT hendaklah dibayar oleh pelupus dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran disampaikan sama ada terdapat rayuan atau tidak terhadap taksiran tersebut.

4.2 Kenaikan Cukai

- 4.2.1 Menurut subseksyen 21(4) ACKHT, kenaikan cukai sebanyak 10% dikenakan ke atas amaun cukai yang gagal dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran disampaikan.
- 4.2.2 Menurut subseksyen 21B(2) ACKHT, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas amaun yang gagal dipegang simpan

dan diremit (3% / 7% dari jumlah nilai balasan (mengikut yang mana lebih rendah)) oleh pemeroleh kepada KPHDN.

5 BAB D: PERCUKAIAN AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN: AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 (ACAPL)

5.1 Bayaran Cukai dan Kenaikan Cukai

5.1.1 Mengikut seksyen 11 ACAPL, sesebuah entiti Labuan hendaklah membuat bayaran penuh terhadap:

- a) cukai yang dikenakan untuk suatu tahun taksiran; atau
- b) cukai yang dikenakan untuk suatu tahun taksiran selepas tolakan rebat cukai di bawah seksyen 8A ACAPL (sekiranya ada)

semasa memfailkan penyata keuntungan dan akuan berkanun di bawah seksyen 5 ACAPL.

5.1.2 Mengikut seksyen 12 ACAPL, sesebuah entiti Labuan hendaklah membuat bayaran penuh amaun perbezaan di antara amaun cukai yang telah dibayar di bawah seksyen 11 ACAPL dan amaun cukai yang ditaksirkan oleh KPHDN di bawah seksyen 6 ACAPL dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran disampaikan.

5.1.3 Mengikut subseksyen 13 ACAPL, Notis Permintaan akan dikeluarkan kepada entiti Labuan yang gagal membayar cukai kena dibayar di bawah seksyen 11 atau 12 ACAPL. KPHDN dalam mengeluarkan Notis Permintaan tersebut hendaklah

mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas cukai atau baki cukai yang tidak dibayar.

- 5.1.4 Cukai kena dibayar yang dikenakan mengikut Notis Permintaan perlu dibayar apabila notis berkenaan disampaikan.
- 5.1.5 Bagi kes taksiran cukai atau taksiran cukai tambahan di bawah subseksyen 6(2) ACAPL, bayaran cukai tertunggak dan kena dibayar perlu dibuat dalam tempoh 30 hari selepas Notis Taksiran disampaikan. Kegagalan membayar cukai tersebut dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% dikenakan ke atas amaun cukai yang tidak dibayar di bawah subseksyen 13A(2) ACAPL tanpa sebarang notis dikeluarkan.
- 5.1.6 Maklumat bayaran cukai di bawah ACAPL boleh dirujuk di Notis Taksiran Untuk Suatu Entiti Labuan.

6 BAB E: CUKAI PEGANGAN

6.1 Pengenalan

- 6.1.1 Cukai Pegangan adalah cukai yang dikenakan terhadap bayaran atau pendapatan yang diterima, oleh penerima bukan pemastautin dan juga pemastautin di Malaysia.
- 6.1.2 Pembayar bertanggungjawab memotong cukai dengan kadar tertentu daripada bayaran atau pendapatan itu dan meremit cukai tersebut kepada KPHDN dalam tempoh satu (1) bulan selepas bayaran atau pendapatan itu dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada penerima bukan pemastautin dan juga pemastautin.

6.2 Jenis-Jenis Bayaran Yang Tertakluk Kepada Cukai Pegangan Dan Kadar Cukai Di Bawah ACP

Jenis Bayaran	Akta Cukai Pendapatan 1967	Kadar Cukai Pegangan	Borang Borang Bayaran
Bayaran Kontrak	Perenggan 107A(1)(a); dan Perenggan 107A(1)(b)	10%, 3% bahagian perkhidmatan	CP 37A
Faedah	Seksyen 109	15% dari pendapatan kasar	CP 37
Royalti	Seksyen 109	10% dari pendapatan kasar	CP 37
Pendapatan tertentu kelas khas : Bayaran teknikal, bayaran perkhidmatan, sewa / bayaran untuk menggunakan harta boleh alih	Seksyen 109B	10% dari pendapatan kasar	CP 37D
Faedah (selain faedah yang dikecualikan) dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan	Seksyen 109C	5% dari pendapatan kasar	CP 37C
Pendapatan penghibur awam bukan bermastautin	Seksyen 109A	15% dari pendapatan kasar	Memo bayaran dikeluarkan oleh Cawangan Penaksiran
Amanah Pelaburan Hartanah (REIT)	Seksyen 109D		CP 37E

(i) Selain daripada syarikat bermastautin (ii) Syarikat bukan bermastautin (iii) Pelabur institusi asing berkuatkuasa mulai 01/01/2007		10% dari pendapatan kasar 24% dari pendapatan kasar 10% dari pendapatan kasar	
Dana Keluarga / Dana Takaful Keluarga / Dana Am (i) individu dan lain-lain (ii) syarikat tidak bermastautin	Seksyen 109E	8% dari pendapatan kasar 25% dari pendapatan kasar	CP 37E(T)
Pendapatan di bawah seksyen 4(f) ACP	Seksyen 109F	10% dari pendapatan kasar	CP 37F
Pengeluaran daripada anuiti tertanggung atau skim persaraan swasta	Seksyen 109G	8% atas amaun pengeluaran	CP37G

6.3 Kenaikan Cukai

6.3.1 Kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 107A(2), 109(2), 109B(2), 109D(3), 109E(4), 109F(2) dan 109G(2) ACP akan dikenakan ke atas jumlah Cukai Pegangan yang gagal dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

6.3.2 Berikut adalah antara contoh ketidakpatuhan kepada undang-undang Cukai Pegangan seperti ditetapkan dalam ACP:

- a) Pembayar gagal membayar Cukai Pegangan pada kadar yang telah ditetapkan.

- b) Pembayar gagal membayar Cukai Pegangan dalam tempoh ditetapkan (melebihi tempoh satu (1) bulan selepas tarikh dibayar, dikreditkan atau diagihkan bayaran, pendapatan atau amaun pendapatan kepada penerima).
- c) Pembayar gagal membayar kenaikan cukai yang telah dikenakan terhadapnya kerana lewat atau gagal membayar Cukai Pegangan tertunggak (sama ada telah dipotong atau tidak) menurut subseksyen 107A(2), 109(2), 109B(2), 109D(3), 109E(4), 109F(2) dan 109G(2) ACP.

7 BAB F : PERKHIDMATAN BAYARAN

7.1 Perkhidmatan Bayaran Melalui Medium Bayaran Elektronik

- 7.1.1 Pembayar cukai boleh membayar Cukai Pendapatan (CP) dan CKHT secara elektronik atau atas talian (*online*) melalui aplikasi ByrHASiL.
- 7.1.2 Majikan yang menggunakan sistem e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 bagi pengemukaan maklumat PCB boleh membuat bayaran melalui perbankan internet (FPX dan IBG).
- 7.1.3 Pengguna yang membayar menggunakan aplikasi ByrHASiL, e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menjadi ahli FPX. Bank-bank yang terlibat, antaranya seperti berikut:
 - a) Bank Islam Malaysia
 - b) CIMB Bank

- c) Hong Leong Bank
- d) Maybank
- e) Public Bank
- f) RHB Bank
- g) Affin Bank
- h) Bank Simpanan Nasional
- i) Alliance Bank
- j) AmBank
- k) Bank Muamalat
- l) CitiBank
- m) HSBC Bank
- n) BNP Paribas
- o) Bank Rakyat
- p) OCBC
- q) Citi Bank
- r) Deutsche Bank
- s) Standard Chartered
- t) UOB

7.2 Pembayaran Cukai Di Pusat Bayaran LHDNM

7.2.1 Pembayaran cukai juga boleh dilakukan di tiga Pusat Bayaran LHDNM berikut:

- a) Pusat Bayaran Kuala Lumpur
- b) Pusat Bayaran Cawangan Kota Kinabalu
- c) Pusat Bayaran Cawangan Kuching

7.2.2 Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Cawangan Kota Kinabalu dan Pusat Bayaran Cawangan Kuching turut

menyediakan kaedah bayaran menggunakan kad kredit dan kad debit.

7.2.3 LHDNM akan meminimakan fungsi kaunter bayaran secara berperingkat di semua Pusat Bayaran LHDNM pada tahun 2021 bagi penguatkuasaan sepenuhnya kaedah e-bayaran. Fungsi penerimaan bayaran tunai dan cek di kaunter bayaran akan dihentikan. Walau bagaimanapun, pemberhentian penerimaan bayaran tunai dan cek tersebut tidak terpakai kepada bayaran:

- a) Cukai Pegangan
- b) Cukai Keuntungan Hartanah
- c) Cukai Pendapatan Penghibur Awam
- d) Kompaun

7.3 Perkhidmatan Bayaran Cukai Oleh Ejen-Ejen Kutipan LHDNM

7.3.1 Bayaran di kaunter bank cawangan-cawangan ejen kutipan LHDNM

- a) Bayaran cukai boleh dilakukan secara tunai, cek dan arahan debit akaun di kaunter bank. Bayaran CP, CKHT dan bayaran selain PCB bagi individu dan syarikat boleh dibuat di semua cawangan bank berikut:
 - i. CIMB Bank
 - ii. Public Bank
 - iii. Maybank
 - iv. POS Malaysia (bayaran secara tunai sahaja)
 - v. Affin Bank
 - vi. Bank Rakyat

vii. Bank Simpanan Nasional

b) Bayaran PCB boleh dibuat di kaunter bank ejen cukai LHDNM (setelah penghantaran data dibuat di system PCB) seperti berikut:

- i. Secara tunai / cek / CDM - CIMB sahaja
- ii. Secara arahan debit akaun – Semua kaunter Bank Ejen menggunakan nombor Akaun PCB/CP39

7.3.2 Bayaran melalui portal perbankan internet bank

Kemudahan pembayaran CP, CKHT dan PCB turut disediakan melalui portal perbankan internet ejen kutipan LHDNM yang telah dilantik seperti berikut:

Bank	Jenis Bayaran		
	CP	CKHT	PCB
Alliance Bank	√	√	√
CIMB Bank	√	√	√
Citibank	√ (Syarikat sahaja)	√ (Syarikat sahaja)	√
Hong Leong Bank	√	√	√
Maybank	√	√	√
Public Bank	√	√	√
RHB Bank	√	√	√
POS Malaysia	-	-	-
Ambank	-	-	√
OCBC Bank	-	-	√

HSBC Bank	-	-	√
Bank Islam	√ (Individu sahaja)	√ (Individu sahaja)	√
Bank Simpanan Nasional	√	√	-
Agro Bank	-	-	√
MBSB Bank	√	√	-

7.3.3 Bayaran CP dan CKHT individu juga boleh dilakukan menggunakan mesin *Auto Teller Machine* (ATM) di bank-bank berikut:

- a) Public Bank
- b) Maybank
- c) CIMB Bank
- d) RHB Bank

7.3.4 Bayaran melalui Tele-Perbankan

- a) Bayaran CP dan CKHT melalui perkhidmatan tele-perbankan disediakan melalui Maybank – *Kawanku Phone Banking* (1-300-88-6688)
- b) Bayaran CP melalui telefon bimbit disediakan melalui aplikasi Perbankan Mudah Alih-i atau TAP-i Mobile Banking Bank Islam (individu sahaja).

7.3.5 Bayaran PCB boleh dilakukan melalui Mesin Deposit Cek (*Cheque Deposit Machine*) CIMB.

7.3.6 Bayaran cukai melalui Mesin Deposit Wang (*Cash Deposit Machine*) disediakan di Maybank.

7.3.7 Carta perkhidmatan pembayaran di ejen-ejen LHDNM adalah seperti di Lampiran 1.

7.4 Bayaran Cukai Melalui Pindahan Wang Dari Luar Negara

Bayaran CP melalui pindahan wang dari luar negara boleh dilakukan melalui dua kaedah berikut:

7.4.1 Melalui *Telegraphic Transfer (TT) / IBG / Electronic Fund Transfer (EFT)*

- a) Pembayar cukai perlu menghubungi nombor berikut bagi mendapatkan prosedur bayaran menerusi pemindahan telegrafik:
 - i. Nombor telefon: HASIL Care Line: 03-8911 1000 (panggilan dalam negara) atau 603-8911 1100 (panggilan dari luar negara)
 - ii. Nombor faks: 603-62019637, atau
 - iii. Alamat e-mel: HelpTTpayment@hasil.gov.my

- b) Maklumat yang diperlukan bagi membolehkan akaun bayaran dikemaskini adalah seperti berikut:
 - i. Nama pembayar cukai
 - ii. Nombor rujukan cukai
 - iii. Nombor rujukan transaksi TT / IBG / EFT
 - iv. Kod bayaran cukai, tahun taksiran bayaran dan bulan ansuran. Sekiranya tidak dinyatakan, LHDNM akan

menganggap bulan semasa sebagai nombor ansuran (kod bayaran merujuk kepada Lampiran 2).

- v. Tarikh bayaran
 - vi. Amaun bayaran
- c) Resit bayaran hanya dikeluarkan bagi bayaran yang telah disah terima oleh bank dan setelah semua maklumat bayaran yang lengkap dikemukakan. Bayaran yang dibuat tanpa mengemukakan maklumat bayaran yang lengkap akan menyebabkan kelewatan proses pengeluaran resit dan pembayar cukai adalah bertanggungjawab sekiranya dikenakan denda lewat.
- d) Maklumat ini turut terpakai kepada pembayaran cukai pendapatan dalam negara yang menggunakan medium TT.

7.4.2 Melalui draf bank

- a) Pindahan wang dari luar negara melalui cara ini memerlukan maklumat berikut:
 - i. Nama penerima (*Payable to*): KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
 - ii. Nama dan alamat bank pembayar: Mesti “local paying bank” atau “local correspondence bank” supaya draf bank tersebut menjadi cek tempatan.
- b) Draf bank tidak boleh dibeli dalam Ringgit Malaysia. Oleh itu, kadar pertukaran mata wang bagi jumlah yang perlu dibayar hendaklah dibuat dengan tepat iaitu berdasarkan kadar

pertukaran mata wang pada hari draf bank ditunaikan oleh LHDNM. Maklumat bayaran dan pembayar perlu ditulis di belakang draf bank dan diposkan ke alamat berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Pusat Bayaran Kuala Lumpur,
Tingkat Bawah, Blok 8A,
Kompleks Bangunan Kerajaan,
Jalan Tuanku Abdul Halim
50600 Kuala Lumpur

- c) Bagi pembayar cukai individu yang mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing, semakan bayaran serta kedudukan akaun CP boleh dibuat melalui e-Lejar di laman web LHDNM.

7.4.3 Bayaran Cukai Pegangan

- a) Semua bayaran cukai pegangan (kecuali bagi Penghibur Awam tidak bermastautin) mestilah dikemukakan bersama perkara berikut:
 - i. borang bayaran berkaitan yang telah dilengkapkan;
 - ii. salinan invois daripada pihak penerima ;
 - iii. salinan dokumen bayaran sebagai bukti tarikh dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada penerima; dan
 - iv. salinan perjanjian kali pertama (jika berkenaan)

- b) Cek-cek yang dibayar oleh bank-bank di luar negara tidak akan diterima. Cukai pegangan tidak boleh dibayar di bank.
- c) Cek-cek hendaklah dipalang dan dibayar kepada “KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI”. Bayaran boleh dibuat melalui pos atau di Pusat Bayaran LHDNM seperti dinyatakan di bawah:
 - i. Pusat Bayaran, Kuala Lumpur bagi Semenanjung
 - ii. Pusat Bayaran Cawangan Kota Kinabalu bagi Sabah
 - iii. Pusat Bayaran Cawangan Kuching bagi Sarawak
- d) Borang bayaran hendaklah diisi dengan lengkap termasuk maklumat nombor rujukan CP Malaysia bagi pembayar, penerima dan negara asal penerima.
- e) Sekiranya pembayar tiada maklumat nombor rujukan CP penerima, pembayar boleh membuat permohonan untuk nombor tersebut dengan menyatakan nama dan alamat penerima serta jenis bayaran kepada:

Pengarah
Cawangan Tidak Bermastautin
Unit Pengesanan Dan Khidmat Pelanggan
Tingkat 3 Kiri, Blok 8
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Tuanku Abdul Halim
50600 Kuala Lumpur

- f) Bagi kes bayaran segera (nombor rujukan CP penerima tidak diketahui), pembayar boleh mengemukakan Borang

CP 37A / CP 37 / CP 37D / CP 37E / CP37E(T) dan CP 37F dan CP37G berserta cek bayaran, salinan invoice dan salinan pindahan telegraf (TT) / penyata bank kepada alamat berikut:

Pengarah
Cawangan Tidak Bermastautin
Unit Cukai Pegangan
Tingkat 7 Kanan, Blok 8
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Tuanku Abdul Halim
50600 Kuala Lumpur

8 BAB G: PEMUNGUTAN

8.1 Ansuran Baki Cukai

- 8.1.1 Peruntukan undang-undang memberi ruang kepada pembayar cukai untuk membayar cukai atau baki cukai secara ansuran.
- 8.1.2 Sekiranya cukai kena dibayar layak dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP, ansuran yang dibenarkan adalah termasuk kenaikan cukai tersebut.
- 8.1.3 Tindakan pemungutan melalui mahkamah boleh diambil serta merta sekiranya pembayar cukai gagal membayar ansuran pada tarikh kena bayar yang ditetapkan.
- 8.1.4 Permohonan ansuran hendaklah dikemukakan kepada pihak cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai.

8.2 Pemungutan Cukai Tertunggak

Sekiranya pembayar cukai masih gagal membuat bayaran, tindakan-tindakan yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- a) Arahan Potongan Gaji (CP38)
- b) Sekatan perjalanan
- c) Kaveat
- d) Pelantikan ejen
- e) Tindakan pemungutan kepada pengarah
- f) Tindakan mahkamah

9 BAB H: BAYARAN BALIK

9.1 Pengenalan

Bayaran balik lebih bayaran cukai dinyatakan di bawah seksyen 111 ACP. Berikut adalah antara kriteria kes bayaran balik bagi CP:

9.1.1 Bayaran balik lebih bayaran cukai yang diproses adalah lebih bayaran cukai di bawah peruntukan berikut:

- a) Seksyen 107 ACP (PCB).
- b) Seksyen 107B ACP (CP500).
- c) Seksyen 107C ACP (CP204 / CP204A / CP205).
- d) Seksyen 103 ACP (Lebih bayaran cukai daripada cukai yang sepatutnya dibayar).

9.1.2 Lebihan kredit cukai yang wujud berikutan taksiran cukai yang dikurangkan atau pindahan baki kredit / debit.

9.1.3 Bayaran balik CP disebabkan tolakan cukai (*set-off*) di bawah peruntukan berikut:

- a) Tolakan cukai seksyen 110B ACP;
- b) Tolakan cukai seksyen 110C ACP;
- c) Tolakan cukai seksyen 110 ACP

9.2 Prosedur Bayaran Balik Kepada Pembayar Cukai

9.2.1 Sekiranya bayaran cukai yang dilakukan melebihi amaun cukai kena dibayar, lebihan bayaran itu akan dikembalikan kepada pembayar cukai.

9.2.2 Tuntutan bayaran balik perlu dibuat dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhirnya tahun taksiran dimana tuntutan bayaran balik tersebut dilakukan atau jika tuntutan bayaran balik adalah berkait dengan taksiran cukai, dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhirnya tahun taksiran dimana taksiran cukai tersebut dibangkitkan (subseksyen 111(2) ACP).

9.2.3 Bayaran balik kepada pembayar cukai akan dilakukan dalam tempoh berikut:

- a) 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang nyata melalui e-Filing
- b) 90 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang nyata lengkap secara manual.

9.2.4 Sebelum proses bayaran balik dilakukan, lebihan kredit cukai boleh digunakan bagi tujuan berikut :

- a) Menampung tunggakan cukai bagi tahun taksiran sebelum dan semasa, termasuklah kenaikan yang layak dikenakan.
- b) Menampung bayaran ansuran cukai tahun semasa (CP204 / CP204A / CP500) dibawah seksyen 107B dan 107C ACP.
- c) Menampung bayaran ansuran pungutan dan bayaran ansuran lain yang belum melewati tarikh kena bayar.

9.2.5 Bayaran balik adalah berdasarkan cukai terlebih bayar atau kredit cukai dibayar balik pada ruangan rumusan cukai dalam BNCP yang dikemukakan bagi tahun taksiran berkenaan. Bagaimanapun amaun tersebut akan dikurangkan jika wujud baki debit atau tunggakan cukai tahun taksiran sebelumnya.

9.3 Prosedur Bayaran Balik CKHT

Kes bayaran balik yang layak adalah seperti berikut:

9.3.1 Bayaran balik kepada pelupus yang diproses apabila taksiran cukai telah selesai dibangkitkan dan lejar CKHT berbaki kredit serta boleh dibayar balik.

9.3.2 Bayaran balik diproses bagi kes-kes lain adalah seperti berikut:

- a) Perjanjian jual beli dibatalkan (Pelupus perlu memberi persetujuan kepada pemeroleh berhubung dengan bayaran balik).

- b) Pelupusan yang mendapat pengecualian cukai.
- c) Kes tidak kena cukai.
- d) Cukai terlebih bayar

9.4 Bayaran Balik Kepada Pihak Ketiga

9.4.1 Kes individu

- a) Bayaran balik boleh dibuat kepada individu lain seperti suami / isteri / ibu / bapa / anak. Maklumat yang diperlukan bagi memproses kes ini:
 - i. Nama dan nombor kad pengenalan penerima;
 - ii. Nombor akaun bank penerima; dan
 - iii. Surat kuasa.
- b) Bayaran balik boleh dibuat kepada syarikat. Maklumat yang diperlukan bagi memproses kes ini:
 - i. Nama dan nombor pendaftaran syarikat penerima yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau *Labuan Financial Authority Services* (LFSA)
 - ii. Nombor akaun bank syarikat penerima; dan

iii. Surat kuasa.

c) Maklumat tambahan diperlukan jika penerima bayaran adalah selain yang dinyatakan di atas misalnya peguam atau akauntan. Maklumat yang diperlukan bagi memproses kes ini:

i. Perintah Mahkamah; atau

ii. Surat Ikatan Penyerahan (*Deed of Assignment*) bersetem.

9.4.2 Bayaran balik kes syarikat:

Maklumat yang diperlukan untuk memproses bayaran balik kepada syarikat adalah seperti berikut:

a) Syarikat tempatan

i. Salinan Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat.

ii. Salinan yang dimaterikan (*Company Common Seal*) dengan tandatangan semua pengarah syarikat. Sekiranya tidak ditandatangani oleh semua pengarah, satu salinan Memorandum dan Artikel syarikat (yang diakui sah) perlu dikemukakan.

iii. Borang 49 yang diakui sah oleh setiausaha dengan nama dan alamat penuh dicatatkan.

iv. Salinan minit mesyuarat terakhir, surat lantikan

pembubaran atau perintah Mahkamah dan salinan Borang 11 (bagi kes dalam pembubaran).

v. Nombor akaun bank.

b) Syarikat luar negeri

- i. Surat Ikatan Penyerahan (*Deed of Assignment*) bersetem perlu diutamakan
- ii. Jika tiada, Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat boleh diterima sebagai ganti

9.4.3 Bayaran balik kepada majikan

Sekiranya majikan telah membuat bayaran atau potongan gaji berlebihan yang tidak sepatutnya dibayar atau dipotong, bayaran balik akan diproses jika dokumen lengkap diterima.

a) Majikan swasta

- i. Salinan resit serta baucar bayaran yang membuktikan bayaran berkenaan telah dibuat; dan
- ii. Surat pelepasan tanggungan bersetem (Dokumen ini dikecualikan bagi majikan kerajaan)

b) Majikan kerajaan

- i. Salinan resit serta baucar bayaran yang membuktikan bayaran berkenaan telah dibuat; dan

- ii. Surat pengesahan daripada Ketua Jabatan
- c) Kes cukai ditanggung oleh majikan (*tax on tax*)
- i. Kes di mana cukai pekerja ke atas sumber pendapatan penggajian dibayar oleh pihak majikan dan cukai tersebut merupakan saraan tambahan kepada pekerja.
 - ii. Jika taksiran cukai telah dikurangkan dan pihak majikan membuat tuntutan bayaran balik, pembayaran balik boleh dibuat kepada majikan jika LHDNM berpuas hati bahawa kes tersebut adalah kes cukai atas cukai.
 - iii. Jika pembayar cukai mempunyai lebih dari satu sumber pendapatan, pembayaran balik tidak boleh dibuat kepada majikan tanpa kebenaran bertulis daripada pekerja tersebut.
 - iv. Pembayaran balik akan dibuat kepada majikan jika terdapat perjanjian di antara majikan dan pekerja atau maklumat sah bahawa pembayaran cukai pekerja adalah tanggungan majikan .
 - v. Majikan hendaklah mengemukakan dokumen sokongan untuk proses pembayaran balik seperti berikut:
 - Surat perjanjian antara majikan dan

pekerja

- Surat pelepasan tanggungan berselem yang memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan didakwa terhadap sebarang tuntutan yang dibuat oleh pekerja.

9.4.4 Bayaran balik bagi pembayar cukai yang telah meninggal dunia.

Dokumen yang diperlukan:

- a) Salinan Surat Kuasa Mentadbir atau Geran Probet (*Grant of Probate*) yang diakui sah sama ada oleh Pesuruhjaya Sumpah, Majistret Mahkamah atau kakitangan kerajaan dalam kategori Pengurusan dan Profesional
- b) Bagi kes bayaran balik kepada waris atau pentadbir, nama waris atau pentadbir hendaklah dinyatakan diikuti dengan nama harta pusaka.
- c) Jika terdapat lebih dari satu pentadbir harta pusaka, bayaran balik akan dilakukan atas nama salah satu pentadbir sahaja.
- d) Bagi pembayar cukai yang tidak mempunyai harta, Borang Akuan Sumpah (Borang Am 80) yang ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau Notari Awam boleh diterima.
- e) Bagi pembayar cukai tidak bermastautin yang telah meninggal dunia, surat akuan mestilah ditandatangani oleh waris atau pentadbir di hadapan Notari Awam.

9.4.5 Bayaran balik bagi kes Surat Penyelesaian Cukai (SPC)

- a) SPC merupakan pengiraan cukai dan bukannya suatu notis taksiran.
- b) Bayaran balik hanya boleh diproses apabila BNCP bagi tahun taksiran berkenaan telah diterima dan taksiran cukai telah dibangkitkan.

9.4.6 Bayaran balik bagi kes cukai ditangguhkan

- a) Jika cukai bagi sesuatu tahun taksiran telah ditangguhkan dan terdapat kredit yang wujud daripada taksiran cukai kurangan / lebihan untuk tahun-tahun taksiran lain, kredit tersebut boleh dibayar balik.
- b) Jika kredit wujud berkaitan tahun taksiran dimana cukai telah ditangguhkan, kredit tersebut tidak boleh dibayar balik. Walau bagaimanapun, jika bayaran yang dibuat melebihi cukai yang ditaksir, kredit bagi lebihan bayaran cukai yang sepatutnya tersebut boleh dibayar balik.

9.4.7 Bayaran balik bagi kes Taksiran Pendahuluan (*Advance Assessment*)

- a) Taksiran Pendahuluan dikeluarkan bagi kes pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia atau sekiranya perniagaan telah diberhentikan. Taksiran Pendahuluan merupakan suatu notis taksiran.

- b) Bayaran balik boleh dibuat jika terdapat lebihan bayaran cukai.

9.5 Kaedah Bayaran Balik

9.5.1 *Electronic Fund Transfer (EFT)*

- a) Pembayar cukai perlu menggunakan alamat dalam negara.
- b) Bayaran balik akan dimasukkan terus ke akaun bank pembayar cukai sekiranya maklumat nombor akaun bank, nama bank, kod RENTAS dikemukakan kepada LHDNM.
- c) Pembayar cukai perlu mengelak dari mengemukakan akaun bersama bagi tujuan bayaran balik lebihan cukai.
- d) Pembayaran dibuat atas nama penerima iaitu pembayar cukai atau pihak ketiga.
- e) Pembayar cukai perlu memastikan nombor akaun bank dan kad pengenalan / nombor pendaftaran syarikat di LHDNM dan bank adalah sepadan.

9.5.2 *Telegraphic Transfer (TT)*

- a) Pembayar cukai / penerima bayaran hendaklah beralamat di luar negara.
- b) Maklumat yang diperlukan:
 - i. Nama pembayar cukai seperti rekod di bank luar

negara

- ii. Maklumat bank :
 - Nama bank
 - Alamat bank
 - Kod SWIFT / Kod IBAN / Kod SORT / Kod BSB / Kod IFSC / Nombor *ABA Routing*
 - Jenis matawang yang digunakan oleh bank pembayar cukai di luar negara

9.5.3 Draf Bank

- a) Pembayar cukai / penerima bayaran hendaklah beralamat di luar negara.
- b) Maklumat yang diperlukan:
 - i. Nama pembayar cukai; dan
 - ii. Alamat luar negara (Bukan alamat peti surat)

9.5.4 Cek

Bayaran balik melalui cek sekiranya pembayar cukai tidak mengemukakan nombor akaun dan beralamat dalam negara.

9.5.5 Baucar Bayaran Balik Cukai

Bayaran balik cukai dilakukan menggunakan Baucar Bayaran Balik Cukai kepada pembayar cukai yang tidak mengemukakan nombor akaun dan beralamat dalam negara. Baucar Bayaran Balik Cukai hanya boleh ditunaikan di mana-mana Cawangan CIMB Bank sahaja.

9.5.6 Cawangan LHDNM perlu mengeluarkan surat pemberitahuan bayaran balik kepada pembayar cukai bukan warganegara Malaysia yang diluluskan menggunakan akaun bank dalam negara jika melibatkan amaun bayaran balik melebihi RM10,000.00. Pemberitahuan perlu dimaklumkan kepada bank penerima agar membenarkan penerimaan transaksi bayaran berkenaan.

9.6 Pampasan Bayaran Balik Di Bawah Seksyen 111D ACP

9.6.1 Mulai Tahun Taksiran 2013, pampasan pada kadar 2% daripada amaun bayaran balik boleh diberikan kepada pembayar cukai sekiranya LHDNM lewat memproses bayaran balik iaitu:

- a) Selepas 90 hari daripada tarikh akhir ditetapkan bagi pengemukaan BNCP melalui e-Filing.
- b) Selepas 120 hari daripada tarikh akhir ditetapkan bagi pengemukaan BNCP secara manual.

9.6.2 Pembayar cukai yang layak dibayar pampasan:

- a) Pembayar cukai yang mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. BNCP dikemukakan sebelum atau pada 30 April bagi individu yang berpendapatan penggajian;
 - ii. BNCP dikemukakan sebelum atau pada 30 Jun bagi individu yang menjalankan perniagaan;

- iii. BNCP dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh penutupan tempoh perakaunan bagi kes syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi;
 - b) BNCP yang dikemukakan adalah betul dan teratur.
- 9.6.3 Pampasan yang boleh dibayar hanya mengambil kira lebihan cukai yang disebabkan oleh bayaran di bawah seksyen 107 ACP (PCB), seksyen 107B ACP (CP500) dan seksyen 107C ACP (CP204 / CP204A / CP205).
- 9.6.4 Pembayar cukai yang tidak layak dibayar pampasan
- a) BNCP dikemukakan pada tempoh-tempoh berikut:
 - i. BNCP dikemukakan selepas 30 April bagi individu yang berpendapatan penggajian; atau
 - ii. BNCP dikemukakan selepas 30 Jun atau bagi individu yang menjalankan perniagaan; atau
 - iii. BNCP dikemukakan selepas tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas bagi kes syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi.
 - b) Kredit di bawah seksyen 110 ACP.
 - c) Pembayar cukai membuat rayuan terhadap taksiran di bawah seksyen 99 ACP.

10. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

Rangka Kerja Pungutan Cukai ini berkuat kuasa mulai 03 Februari 2021 dan membatalkan Rangka Kerja Pungutan Cukai bertarikh 20 April 2016.

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh: 03 Februari 2021

LAMPIRAN 1
CARTA PERKHIDMATAN PEMBAYARAN DI EJEN-EJEN LHDNM

Bank Ejen	Bayaran CP / CKHT						Bayaran PCB	
	Kaunter	ATM	Perbankan Internet	Perbankan Telefon / Mobile	Mesin Deposit Cek (CDM)	Mesin Deposit Tunai (CAM)	Kaunter	Perbankan Internet**
Alliance Bank	-	-	√	-	-	-	IBG*	√
Affin Bank	√	-	-	-	-	-	-	-
CIMB Bank	√	√	√	-	-	-	Tunai / Cek / CDM / CAM / IBG*	√
Citibank	-	-	√ (Syarikat sahaja)	-	-	-	IBG*	√
Hong Leong Bank	-	-	√	-	-	-	IBG*	√
Maybank	√	√	√	√	-	√	IBG*	√
Public Bank	√	√	√	-	-	-	IBG*	√
RHB Bank	-	√	√	-	-	-	IBG*	√
POS Malaysia	√	-	-	-	-	-	-	-
Ambank	-	-	-	-	-	-	IBG*	√
OCBC Bank	-	-	-	-	-	-	IBG*	√
HSBC Bank	-	-	-	-	-	-	IBG*	√
Bank Islam	-	-	√ (Individu sahaja)	√ (Individu sahaja)	-	-	IBG*	√
Bank Rakyat	√	-	-	-	-	-	-	√
Bank Simpanan Nasional	√	-	√	-	-	-	-	-
Agro Bank	-	-	-	-	-	-	IBG*	√
MBSB Bank	-	-	√	-	-	-	IBG*	√

IBG* (menggunakan nombor Akaun PCB / CP39)

Perbankan Internet** - Pengisian data PCB pekerja dan bayaran di perbankan internet

LAMPIRAN 2

Jadual Kod Bayaran

Item	Kod Bayaran	Keterangan
1	084	Bayaran Ansuran Cukai – Individu
2	086	Bayaran Ansuran Cukai – Syarikat
3	088	Pendahuluan / Ansuran Cukai Komposit
4	090	Bayaran CKHT
5	095	Bayaran CP (tidak termasuk skim ansuran)
6	150	Bayaran Kenaikan Seksyen 103A / 103 ACP
7	151	Bayaran Seksyen 108 ACP
8	152	Bayaran Kenaikan Seksyen 108 ACP
9	153	Bayaran Kenaikan Komposit
10	154	Bayaran Kenaikan Subseksyen 107C(9) / 107B(3) ACP
11	155	Bayaran Kenaikan Subseksyen 107C(10) / 107B(4) ACP
12	156	Bayaran Kos Mahkamah
13	157	Bayaran Faedah Atas Hutang Hukuman
14	158	Bayaran Ansuran Dibenarkan oleh Audit
15	159	Bayaran Ansuran Dibenarkan oleh Unit Pemungutan
16	160	Bayaran Ansuran Dibenarkan oleh Unit Guaman Sivill
17	173	Bayaran Kos Guaman

18	178	Bayaran Seksyen 108 (Seksyen 25 ACP (Pindaan) 2000 (Akta A1093))
19	181	Bayaran Kenaikan Seksyen 25 Akta A1093
20	196	Bayaran Penyelesaian Cukai
21	197	Bayaran Penyelesaian Cukai - Majikan
22	250	Bayaran Kenaikan CKHT Oleh Pelupus
23	286	Bayaran Kenaikan CKHT Oleh Pemeroleh
24	092	Bayaran PCB